

Ibu cerita mesej WhatsApp terakhir

Anak AR Badul maut ketika demonstrasi di Kem Lok Kawi

Oleh Suzianah Jiffar, Haika Khazi, Mohd Iskandar Ibrahim, Safeek Affendy Razali, Fitri Nizam, Ryan Stanley, Fardy Bunga dan Norasikin Daineh
bhnews@bh.com.my

Kota Kinabalu: "Ini *show* terakhir", itu kata-kata Mejar Mohd Zahir Armaya AR Badul kepada ibunya, Rusunjan Mohamad, 57, menerusi aplikasi WhatsApp, sehari sebelum maut terkena tembakan rakan sepasukan ketika mengadakan demonstrasi di Kem Lok Kawi di sini, semalam.

Pegawai komando dari 11 Rejimen Gerakan Khas (11 GGK) Kem Sungai Udang, Melaka, berusia 36 tahun itu, tertembak ketika persembahan pada majlis penukaran designasi Angkatan Pertugas 450 (AT 450) kepada Divisyen 5 dan 13 Briged (Kawasan Keselamatan Khas Pantai Timur Sabah (ESSCOM) kepada Briged Ke-13 Infantri.

Anak pelakon dan pelawak veteran, AR Badul itu terkena tembakan jam 8.40 pagi dan disahkan meninggal dunia jam 9.20 pagi di Hospital Queen Elizabeth (QEH) di sini.

Rusunjan yang berasal dari Kampung Indai, Tuaran, ketika ditemui media di QEH, berkata beliau sentiasa berhubung melalui telefon dengan anak sulung daripada tiga beradik itu yang disifatkannya sebagai nakal.

"Anak saya memang selalu menyertai demonstrasi seperti ini dan dia baharu saja balik dari Indonesia. Saya selalu menasih-



Jenazah Mohd Zahir dibawa keluar dari Jabatan Forensik Hospital Queen Elizabeth untuk dibawa ke Kem Lok Kawi, semalam.
(Foto Khairull Azry Bidin/BH)

Agong zahir ucapan takziah

Kuala Lumpur: Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah dan Raja Permaisuri Agong, Tunku Azizah Aminah Maimunah Iskandariah, menzahirkan ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Mejar Mohd Zahir Armaya AR Badul.

Istana Negara dalam satu kenyataan, berkata baginda berdua menzahirkan rasa simpati dan sedih selain berharap keluarga Allahyarham, tabah menghadapi dugaan.

kannya supaya sentiasa hati-hati.

"Sebelum ini (semalam) dia (Allahyarham) hantar WhatsApp sambil memaklumkan ini (demonstrasi) adalah *show* terakhirnya," katanya.

Rusunjan berkata, mereka sekeluarga termasuk Allahyarham merancang untuk makan malam di Tuaran.

"Kira-kira jam 7.30 pagi tadi (semalam), dia menghubungi dan menyatakan mahu balik ke rumah (di Tuaran). Saya pun ke pasar untuk membeli barang yang perlu dimasak untuk makan ma-

lam ini (tadi).

"Ketika di pasar, saya menerima panggilan (dari pejabat Allahyarham) yang memaklumkan berita sedih ini. Saya reda dengan apa yang berlaku. Saya sebenarnya jika boleh mahu anak dikebumikan di sini tetapi kami reda dengan keputusan isterinya (Nour Shafinar Harun)," katanya.

Beliau berkata, kali terakhir bertemu anaknya itu di Kuala Lumpur, bulan lalu.

"Kali terakhir dia balik ke Sabah kira-kira tujuh tahun lalu," katanya yang kelihatan sayu.

Allahyarham yang berkhidmat dalam pasukan itu sejak 2002, meninggalkan seorang isteri, Nour Shafinar, 31, dan lima anak yang berusia antara lima bulan hingga sembilan tahun.

Jenazah Allahyarham dibawa ke Masjid As Salam Kem Lok Kawi untuk solat jenazah sebelum dibawa ke Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu (KKIA) dan diterbangkan Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA). Jenazah akan dikebumikan di kampung halaman isterinya di Tambun, Perak hari ini.

Persembahan itu yang menyaksikan pertembungan antara 'kumpulan pengganas' dengan tentera menggunakan peluru hidup, adalah acara akhir pada majlis berkenaan bagi menunjukkan anggota pasukan keselamatan menumpaskan kumpulan pengganas.

Semua mereka memakai jaket kalis peluru ketika melakonkan aksi berkenaan. Mohd Zahir memegang watak sebagai 'ketua

kumpulan pengganas' dalam demonstrasi itu.

Dalam gimik itu, Allahyarham secara berhadapan melepaskan sedas tembakan menggunakan pistol terhadap seorang pegawai tentera menyebabkan pegawai tentera itu dilihat menahan kesakitan dan berlutut.

Selepas itu, pegawai berkenaan bangun semula dan melepaskan sedas tembakan menggunakan pistol ke arah Mohd Zahir yang berdiri dalam jarak dekat secara membelakangkan dengan sasaran satu botol berisi cecair merah di jaket kalis peluru dipakai Mohd Zahir.

Tembakan itu menyebabkan Mohd Zahir terus rebah dan tidak bangun semula, lalu dua anggota tentera menariknya ke tepi padang kawad.

Mohd Zahir yang kelihatan tidak sedarkan diri, sebelum diberi rawatan anggota perubatan tentera yang berada di majlis itu kemudian memberi rawatan awal sebelum mangsa dikejarkan QEH dan meninggal dunia.

Di Kuala Lumpur, BERNAMA melaporkan AR Badul atau nama sebenarnya Armaya Aman Ramlie, reda dengan pemergian anaknya itu.

Beliau terkejut dengan berita yang menimpa anaknya setelah dimaklumkan pihak Angkatan Tentera Malaysia (ATM) menerusi menantunya.

"Saya mendapat perkhabaran berita ini pagi tadi (semalam) dan amat terkejut serta sedih. Namun saya menganggap ia satu ujian Allah.

"Allahyarham amat rapat dan ada menghubungi serta berjumpa dengan saya sebelum ini. Saya dimaklumkan peluru yang ditembak rakan seperjuangannya terasar sedikit daripada mengenai plet kalis peluru sehingga mengenai badan arwah," katanya.